



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**AMANAT 2017  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

*12 Januari 2017*

**A. PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinan-Nya, dapat sama-sama kita berada di **MAJLIS AMANAT 2017 MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** ini.
2. Izinkan saya memperkenalkan pasukan handalan Kementerian bersama-sama dengan saya pada pagi ini:
  - a. YB **Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching**, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi,
  - b. YBhg. **Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur**, Ketua Setiausaha,
  - c. YBhg. **Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir**, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi merangkap Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, dan
  - d. YBhg. **Dato Amir Md Noor**, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti merangkap Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik.
  - e. Tidak dilupakan juga, YBhg. **Dato' Nik Ali bin Mat Yunus**, Timbalan KSU (Pembangunan) dan YBhg. **Dato' Kamel Mohamad**, TKSU (Pengurusan).
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengiktiraf :
  - a. YBhg. **Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang**, mantan KSU Kementerian yang kini KSU Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA);
  - b. YBhg. **Dato' Hasnol Zam Zam**, mantan TKSU (Pengurusan) KPT;

- c. YBhg. **Datuk Prof Dr Asma Ismail**, mantan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang kini hadir sebagai Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM),
- d. YBhg. **Datuk Profesor Dr Roziah Omar**, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Swasta), Jabatan Pendidikan Tinggi, dan
- e. YBhg. **Dato' Mohlis Jaafar**, mantan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik.

**Terima kasih kepada mereka semua yang telah banyak menyumbang kepada Kementerian pada tahun 2016.**

- 4. Bersama kita pada pagi ini juga Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor-Naib Canselor Universiti Awam (UA), Ketua Eksekutif Institutsi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), CEO GILC/GLC, CEO serta wakil syarikat swasta dan NGO, warga Institutsi Pendidikan Tinggi (IPT), Politeknik, Kolej Komuniti, serta warga Kementerian yang dikasihi.
- 5. **TERIMA KASIH** diucapkan kepada semua yang hadir, termasuk yang menonton secara *on-line* demi menjayakan majlis pagi ini dan **Selamat Tahun Baharu** diucapkan kepada semua.
- 6. Besarlah harapan saya agar amanat memberi panduan kepada warga Pendidikan Tinggi untuk mengorak langkah dengan **lebih jelas**.
  - a. **Lebih jelas** ke arah mencapai aspirasi iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi dapat **menyediakan pendidikan tinggi yang terbaik di dunia**; dan
  - b. **Lebih jelas** dalam menjadikan pendidikan tinggi Malaysia **terkemuka di persada antarabangsa**.

## **B. RECOGNITION / PENCAPAIAN 2016**

- 7. Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian, sepertimana yang anda telah saksikan sebentar tadi, 2016 merupakan tahun yang bersejarah buat pendidikan tinggi negara.
- 8. UA kita terus menunjukkan peningkatan dalam *QS World University Rankings*, dan RU kita merupakan **Top 1% in the world** dengan Universiti Malaya (UM) mendahului di tangga ke-133. Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) juga

menunjukkan peningkatan dalam ranking dunia dan subjek. **Tahniah diucapkan dan semoga prestasi cemerlang ini dapat diteruskan.**

9. Beberapa IPTS juga telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan dalam *QS Asia University Ranking* dan *QS Stars Rating*. Tahniah diucapkan kepada Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Taylor's, Universiti Sunway, dan Multimedia University (MMU).
10. Jika kita melakukan **extrapolasi mudah secara linear (rujuk Lampiran)**, inshaAllah, menjelang 2025 akan terdapat 2 universiti yang berada di kelompok ***Top 100 in the world***, selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** atau PPPM (PT).
11. Selain daripada **ranking** dan merentasi pelbagai bidang berkepentingan, daripada penyelidikan kepada penerbitan, kolaborasi industri, pensyarah dan penyelidik, mahasiswa dan alumni, **pendidikan tinggi Malaysia sememangnya telah menggapai pencapaian yang lebih hebat dan lebih tinggi. Buat masa ini, nikmatilah kejayaan anda.**
12. Kepada setiap warga pendidikan tinggi, **TERIMA KASIH** kerana menjadikan budaya kecemerlangan ini sebuah realiti. Disebabkan anda semualah Kementerian sememangnya **Soaring Upwards**.

### **C. REDESIGNING HIGHER EDUCATION / MEREKA BENTUK PENDIDIKAN TINGGI**

13. Tema Amanat pada tahun 2017 ini adalah: **REDESIGNING HIGHER EDUCATION**.
14. Sejak pelancaran PPPM (PT) pada bulan April 2015, kita telah memulakan satu pengembaraan yang tinggi harapannya (**ambitious**) untuk **redesign our higher education** (mereka bentuk pendidikan tinggi negara).
15. Sebagai imbasan kembali, PPPM (PT) telah mengenalpasti 6 aspirasi pelajar dan 5 aspirasi sistem. Kita juga mempunyai 10 Lonjakan yang akan mengangkat pendidikan tinggi negara ke peringkat seterusnya.
16. Kita juga ada **University Transformation Programme (UniTP)** yang digariskan dalam Lonjakan 10 PPPM (PT). Inisiatif ini disokong oleh penyediaan **Buku Panduan atau Playbooks** yang bakal membantu universiti meningkatkan penjana pendapatan, memantapkan tadbir urus, menyokong pembangunan bakat pengajar dan meningkatkan produktiviti akademik dan keberkesanan kos. **Pada tahun 2017 ini, 2 lagi buku bakal**

dilancarkan iaitu '**Blue Book Vol. 1: Strengthening Performance Management**' dan '**Blue Book Volume II: Strengthening Financial Reporting**'.

17. Sehubungan itu, apabila saya menyebut **Redesigning Higher Education**, ia tidak bermakna kita bermula daripada kosong kerana **kita sudah ada aspirasi, kita sudah ada visi dan kita sudah ada perancangan**.
18. Sehubungan itu, agenda **Redesigning Higher Education** ini melihatkan beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan sejak April 2015. Pada amanat saya tahun lalu saya telah mengumumkan inisiatif tersebut yang termasuk inisiatif pendidikan fleksibel. Pada pagi ini, izinkan saya mengulas serba sedikit mengenai impak dan hasilnya.

#### **(iCGPA – PNGK Bersepadu)**

19. Berikut merupakan **Matrik Sesawang Labah-Labah** seorang mahasiswa UiTM. Ini merupakan keputusan semester 1 2015/2016 beliau. Berdasarkan **Matrik** ini, kita boleh menganalisa kekuatan dan kelemahan mahasiswa tersebut.
20. Paparan seterusnya pula menunjukkan keputusan Sem 2 2015/2016 mahasiswa tersebut. Apabila keputusan sem 1 dan 2 digabungkan, berikut merupakan keputusan **iCGPA** atau **Integrated Cumulative Grade Point Average (Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu)** mahasiswa tersebut di penghujung Tahun 1 pengajiannya.
21. Dengan adanya iCGPA, mahasiswa tersebut boleh mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya; pihak Universiti boleh menyediakan program intervensi untuk membantu mahasiswa mengatasi kelemahan; dan pihak industri dapat menyediakan latihan dalam mengukuhkan perkembangan mahasiswa tersebut ketika latihan industri.
22. **Inilah hasil iCGPA.**
23. Sepertimana yang anda boleh lihat, banyak manfaat diperolehi daripada iCGPA. Kementerian tidak hanya berhujah mengenai perlunya menghasilkan graduan yang **holistic, berciri keusahawanan dan seimbang**, tetapi melalui iCGPA yang selaras dengan Lonjakan 1 PPPM (PT), **kita menjadikan hasrat ini suatu realiti**.
24. Pada September 2015, projek rintis iCGPA dimulakan dengan 5 universiti. Menjelang September 2016 yang lalu, kesemua 20 UA telah memulakan iCGPA dalam program-program tertentu. Disambut pula oleh 5 politeknik dan 9 kolej komuniti.
25. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengiktiraf sumbangan Prof. Madya Dr Jaafar Jantan dari UiTM, yang juga merupakan mantan Pengarah Bahagian Pembangunan dan

Perancangan Akademik (BPPA) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Beliau dibantu oleh pasukan yang cukup berdedikasi yang terdiri daripada ahli akademik dari pelbagai UA. **Tahniah diucapkan.**

26. Pada tahun 2017 ini, saya ingin melihat inisiatif iCGPA terus berkembang dan mengalu-alukan IPTS untuk sama-sama melaksanakannya.
27. Ingin juga saya berkongsi cerita di mana mantan Ketua Pengarah saya, ketika di persidangan di luar negara, diberitahu oleh wakil negara lain bahawa mereka mewujudkan satu sistem pentaksiran yang holistic. Dia terkejut apabila diberitahu bahawa Malaysia telah pun mewujudkan dan melaksanakannya! Mantan KP telah berkongsi mengenai iCGPA dan ia sememangnya mendapat sambutan hangat daripada negara-negara yang lain.

### **(2u2i)**

28. Pada bulan Oktober 2016, UTM telah melancarkan program Kejuruteraan Data menggunakan konsep 2u2i.
29. 2u2i yang bermaksud 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri merupakan program pembelajaran berasaskan pekerjaan (***work based learning***). Objektif program 2u2i adalah untuk meningkatkan ketersediaan mahasiswa untuk memasuki industri setelah tamat pengajian mereka, selaras dengan Lonjakan 1 PPPM (PT).
30. Dalam penyampaian program Kejuruteraan Data ini, UTM sedang bekerjasama dengan Dato' Yasmin Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif ***Malaysia Digital Ekonomi Corporation (MDEC)***. MDEC sedang menerajui pembangunan sektor ekonomi digital negara dan telah meyakinkan syarikat-syarikat IT terkemuka seperti **Oracle, Microsoft, VADs, TM, HILTI and I2M** untuk menyokong implementasi program 2u2i Kejuruteraan Data ini.
31. Saya amat tersentuh hati apabila diberitahu oleh wakil syarikat-syarikat IT terkemuka tersebut bahawa **mereka amat teruja** dengan program 2u2i kerana pendekatan Kementerian dalam menyediakan ekosistem pendidikan tinggi yang dinamik dan fleksibel.
32. Alhamdulillah, penerimaan konsep 2u2i di kalangan industri amat memberangsangkan menunjukkan bahawa usaha Kementerian untuk Mereka Bentuk Pendidikan Tinggi berada pada landasan yang betul. ***We are on the right track.***
33. Bermulanya dengan 5 UA dan 8 program mulai sesi akademik 2016/2017, inshaAllah, program 2u2i akan berkembang kepada 7 UA, 16 program menjelang mulanya sesi

akademik 2017/2018. **Terima kasih dan** tahniah diucapkan kepada UTM, UMK, UPM, UniSZA, UKM, UiTM dan UM kerana menyahut cabaran **mereka bentuk pendidikan tinggi** ini.

**(CEO @ Faculty)**

34. Dengan izin, saya ingin membaca petikan kata-kata daripada seorang tokoh korporat tempatan yang berbunyi: ***“In business, the most important thing for an entrepreneur is to have an idea. My idea was if I could fly people to Penang for 50 or 60 ringgit, would it work? Absolutely”.***
35. Cuba teka, siapakah tokoh korporat tersebut? Sekiranya anda meneka Tony Fernandes, anda tepat sekali.
36. Kata-kata hikmat beliau adalah salah satu daripada banyak lagi yang dikongsikan oleh tokoh-tokoh korporat yang menyertai program Fakulti CEO di bawah Kementerian.
37. Daripada 24 CEO pada tahun 2015, kini lebih 60 CEOs telah menyertai program Fakulti CEO pada tahun 2016.
38. **YBhg. Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan** dengan kerjasama ***Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)*** juga telah memulakan program ***‘Masterclass Entrepreneurs’*** yang merupakan program pementoran di UKM untuk mengasuh mahasiswa ke arah keusahawanan.
39. Secara keseluruhannya, kesemua CEOs telah menyumbang lebih daripada **400 jam**, menyampaikan lebih **90 syarahan**, mengadakan lebih **30 sesi perkongsian**, dan menyentuh lebih **60,000 mahasiswa dan staf akademik**.
40. Dan yang paling hebat sekali, **CEO-CEO ini menyumbang secara percuma**.
41. Saya difahamkan beberapa CEO hadir bersama kita pada hari ini. **TERIMA KASIH**.
42. Sesungguhnya, program Fakulti CEO, selaras dengan Lonjakan 2 PPPM (PT) ini amat berjaya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Prof. Madya Dr Arham Abdullah, Pengarah Bahagian Hubungan Industri** dan pasukan beliau kerana menerajui inisiatif ini.
43. Terima kasih juga kepada **pegawai fokal** di UA di atas kerjasama yang diberikan.

44. Moto fasa pertama program Fakulti CEO adalah ***“Learn from the Pros”***. Dengan sukacitanya ingin saya mengumumkan bahawa mulai tahun 2017, program Fakulti CEO 2.0 akan dimulakan dengan motonya *“Coached by the Pros”*.
45. Sebagai insentif tambahan, saya menyeru pihak universiti untuk mengambil kira penglibatan pensyarah-pensyarah muda yang mengikut program ini sebagai kriteria kenaikan pangkat di bawah KPI latihan industri mereka.

#### (APEL)

46. Sehingga kini, lebih 600 rakyat Malaysia telah mendapat peluang melanjutkan pelajaran menggunakan pengalaman mereka melalui inisiatif **Accreditation of Prior Experiential Learning** atau **APEL (A) (Akses)**.
47. Antara mereka adalah seorang pemain muzik terkenal negara yang menceburi bidang muzik selama lebih 42 tahun. Walaupun beliau tidak memiliki ijazah sarjana muda, namun melalui APEL beliau boleh terus mengikut program ijazah sarjana.
48. Selaras dengan Lonjakan 3 PPPM (PT), APEL yang dikelolakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA) merupakan antara usaha Kementerian untuk **membudayakan pembelajaran sepanjang hayat**.
49. Pada September 2016, saya telah melancarkan inisiatif APEL (C) (atau Kredit) yang membolehkan seseorang itu menggunakan pengalaman untuk memperolehi kredit setelah bermula belajar di universiti. Kredit itu pula dapat mengurangkan jangka masa dan menjimatkan kos pembelajaran.
50. APEL (A) dan (C) mengingatkan kita bahawa **pendidikan tinggi yang fleksibel boleh mewujudkan peluang, memberi harapan dan menambah nilai kepada kehidupan**.
51. Tahniah diucapkan kepada **Datuk Prof Dr Rujhan Mustafa**, Ketua Eksekutif MQA dan pasukan beliau di atas usaha ini.

#### (MALAYSIA MOOCs)

Hadirin dan hadirat sekalian,

52. Di bawah Lonjakan 9 PPPM (PT), inisiatif pembelajaran atas talian secara besar-besaran, atau **Massive Open Online Courses (MOOCs)** di Malaysia telah berkembang sejak inisiatif kebangsaan **Malaysia MOOC** dimulakan pada September 2015.

53. Kini, lebih 250 MOOC telah dihasilkan dan ditawarkan oleh universiti awam dan swasta, politeknik serta kolej komuniti.
54. Lebih 220,00 pelajar daripada lebih 170 negara telah mengikuti kursus Malaysia MOOC dengan enrolmen antarabangsa tertinggi pelajar dari Australia dan USA.
55. Pada kesempatan ini, saya ingin mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh warga **Jabatan Pendidikan Tinggi** amnya dan pengarah-pengarah khasnya, dalam menjayakan dan merealisasikan kesemua inisiatif-inisiatif ini. **Terima kasih dan tahniah kepada anda semua.**

Hadirin & Hadirat yang dihormati,

56. Pada suatu ketika dahulu, susah terbayang MOOCs mampu dijalankan sehingga terbukti pelaksanaannya oleh Harvard dan MIT.
57. Susah terbayang sebuah universiti tanpa bangunan, sehingga bermulanya Minerva.
58. Susah terbayang pendidikan trans-sempadan sehingga Tsukuba University melakukannya dengan konsep pendidikan **Jukebox**.
59. Jika orang lain boleh, mengapa tidak kita?
60. Saya percaya, dengan niat yang betul, perancangan yang teliti, dan usaha gigih, inshaAllah, kita boleh. Alhamdulillah, kini kita boleh lihat kejayaan-kejayaan yang mula terhasil daripada inisiatif-inisiatif **Mereka Bentuk Pendidikan Tinggi** yang saya sebutkan tadi.

#### **D. MOVING FORWARD 2017**

61. **Mereka Bentuk Pendidikan Tinggi** juga memerlukan kita untuk **memahami** dan **mendengar pandangan** warga pendidik, mahasiswa, ibu bapa, industri dan masyarakat.
62. Sempena Amanat 2017 ini, selain saluran rasmi, saya telah menggunakan media sosial untuk mengutarakan persoalan “**Apakah hasrat dan harapan anda untuk pendidikan tinggi negara pada tahun ini?**”.
63. Alhamdulillah, capaian soalan tersebut melebihi 30,000 orang dan saya telah menerima **lebih 100** maklumbalas di **Facebook, Twitter** dan **Instagram**.



64. Walaupun bukan semua perkara boleh ditunaikan atau dipenuhi, maklumbalas tersebut penting untuk membolehkan saya dan pegawai saya di Kementerian untuk membuat refleksi sendiri dan **mengambil tindakan yang sewajarnya**.
65. Saya ingin mengucapkan **terima kasih** kepada semua yang telah menyumbang idea dan cadangan. Teguran yang disampaikan juga diterima secara positif and konstruktif. **Terima kasih kepada Dzameer Dzulkifli dari Teach for Malaysia, Wan Saiful Wan Jan, CEO IDEAS, dan Lim Teck Hoe.**
66. Seterusnya, izinkan saya mengulas beberapa hasrat dan harapan sempena tahun 2017.

### **TEKNOLOGI BARU MEMACU LONJAKAN PARADIGMA PENDIDIKAN TINGGI. DI MANAKAH KITA?**

67. Lonjakan paradigma dalam pendidikan tinggi akan dipacu oleh beberapa teknologi terkini yang sedang berkembang dengan kadar yang pesat.
68. Izinkan saya bertanya. Kenalkah “Jarvis”? Kenalkah “Siri”? Kenalkah “Cortana”?
- Jarvis merupakan pembantu peribadi Mark Zuckerberg dan Iron Man. Siri, pembantu Apple, dan Cortana, pembantu Microsoft.
  - Kesemua ini merupakan nama pembantu peribadi (*personal assistant*) yang berdasarkan kepada teknologi **artificial intelligence (kecerdasan buatan)**.
  - Kita boleh meminta hampir apa-apa sahaja daripada mereka, daripada membuat carian online, memanggil teksi, membeli tiket wayang dan menjadualkan mesyuarat.
69. Yang lebih istimewa lagi, lama kelamaan, mereka akan belajar mengenai kita – tahu benda yang kita suka dan tidak suka. Mereka boleh menasihati kita tentang kesihatan, dan juga mengesan masalah ekor an pertukaran tabiat.
70. Semakin lama, semakin banyak data terkumpul, dan ini pula merupakan **big data (data raya)** yang membentuk profil kita.
71. Dalam konteks pendidikan, kecerdasan buatan dan data raya boleh digunakan untuk **lebih memahami keperluan mahasiswa**.
72. Daripada bahan yang mereka baca, tempat mereka pergi, paparan yang mereka kongsi di Facebook, gambar yang mereka suka di Instagram, kita boleh menyediakan sistem pendidikan yang bukan sahaja fleksibel, tetapi juga lebih peribadi (**personalised**).

73. Selain daripada itu, terdapat perkembangan yang mendadak dalam bidang **virtual reality** (realiti maya), **augmented reality** (realiti tambahan), dan **mixed reality** (realiti bercampur).
74. Pada masa yang sama, saya percaya usaha untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa di kalangan pelajar, terutamanya bahasa inggeris, boleh dibuat menerusi aplikasi sedia ada di pasaran seperti **Duolingo**, secara percuma.
75. Persoalan yang ingin saya bangkitkan ialah **di manakah kita sekarang dalam menggunakan teknologi ini untuk menyampaikan pendidikan?**
76. Sukacita juga diumumkan bahawa Kementerian telah melantik Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), sebagai Ketua Pegawai Informasi / Chief Information Officer (CIO) Kementerian. Adalah diharap bahawa pelantikan ini akan membolehkan Kementerian memperkasakan peranan teknologi dan teknologi maklumat dalam pendidikan tinggi secara keseluruhannya.

#### **KEMAJUAN TEKNOLOGI MEMERLUKAN KITA MEREKA BENTUK SEMULA PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**

77. Hadirin & hadirat yang dihormati, dengan adanya pakcik Google, saudara Youtube, abang Facebook, kakak Twitter dan makcik Instagram, maklumat boleh didapati dari mana-mana, pada bila-bila masa, oleh sesiapa sahaja (anywhere, anytime, anyone).
78. Oleh itu, konsep pengajaran dan pembelajaran perlu berubah.
79. Mahasiswa sekarang tidak seperti mahasiswa masa dahulu. Mereka berupaya belajar secara sendiri. Inilah dikatakan **heutagogy (self-directed learning)**.
80. Dulu, mahasiswa merupakan penerima **ilmu semata-mata (recipients of knowledge)**, kini mereka merupakan **penghasil ilmu bersama (co-curators of knowledge)**.
81. Kita memerlukan perubahan minda di kalangan warga pendidik.
82. Kita perlu memikirkan semula reka bentuk pengajaran dan pembelajaran pendidikan tinggi di mana pembelajaran **lebih aktif, lebih interaktif dan lebih immersif**, serta **bersifat cabaran (challenge-based)** dan **permainan peranan (role-play)**.
83. Hanya dengan cara ini kita dapat mencapai apex matlamat pendidikan di dalam **Bloom's Taxonomy** iaitu bukan hanya untuk mengingat, tetapi **untuk mencipta ('to create')**.

84. Dengan itu, saya ingin mengumumkan penubuhan Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 (Reimagining & Redesigning Malaysian Higher Education Awards 2017).
85. Jawatankuasa anugerah ini akan diketuai oleh Dato' Profesor Mohamad Amin bin Embi, UKM. Pada tahun lalu, beliau telah mengharumkan nama negara apabila menerima anugerah **Open MOOC Award** untuk inovasi PdP daripada *Open Education Consortium* di Poland. Tahniah diucapkan dan selamat maju jaya.
86. Selaras dengan Lonjakan 2 PPPM (PT), saya juga menyeru IPT untuk mewujudkan mekanisma insentif bagi pensyarah yang berjaya dalam inovasi pembelajaran dan pengajaran. Moga kita dapat membentuk teras PdP yang selari dengan penyelidikan.

## (STEM)

Hadirin & hadirat yang dihormati,

87. Kementerian tetap komited dalam mencapai sasaran 60% enrolmen dalam bidang **Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)** di UA menjelang 2020.
88. Di peringkat kebangsaan, Kementerian sedang bekerjasama dengan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** dalam menyediakan Pelan Tindakan STEM Nasional.
89. Saya juga saya difahamkan bahawa **Young Scientists Network (YSN)** di bawah **Akademi Sains Malaysia (ASM)**, yang terdiri daripada golongan pensyarah muda daripada IPT telah pun mengambil langkah yang memberangsangkan untuk meningkatkan minat dan kesedaran pelajar sekolah dan rakyat terhadap STEM secara sukarela. **Tahniah!**
90. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USM**, di atas pelantikan beliau sebagai Presiden Akademi Sains Malaysia. Moga sinergi ASM dan Kementerian dapat diperhebatkan lagi.

## **MAHASISWA (Kebolehpasaran Graduan)**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

91. PPPMT (PT) telah menggariskan komitmen Kementerian untuk melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri dan mencapai kadar kebolehpasaran graduan (KG) lebih 80% menjelang tahun 2025.
92. Usaha Kementerian untuk meningkatkan KG semakin berjaya. Kadar KG telah **meningkat sebanyak 2.8% dalam tempoh lima tahun iaitu daripada 74.4% pada tahun 2012 kepada 77.2% pada tahun 2016.**
93. **Lebih membanggakan adalah kadar KG bagi graduan dalam bidang TVET. Bagi graduan lepasan MTUN (UTHM, UniMAP, UMP dan UTEM), kadar GE adalah 87.1%; Politeknik 88.6% dan Kolej Komuniti 97.2%!**

### **(Volunteerism, Gap Year & National Service)**

94. Dalam ucapan amanat saya pada tahun lalu, saya telah menekankan betapa pentingnya mahasiswa melibatkan diri dalam program kesukarelawanan.

### **(YSS)**

95. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Ketua Eksekutifnya, Dato' Zuraidah Atan** kerana menyahut seruan tersebut. Pada tahun 2016, YSS telah berjaya melahirkan seramai 220 mahasiswa dan pemimpin melalui misi berimpak tinggi di Sabah, Sarawak, peringkat ASEAN dan buat julung kalinya di Eropah. Moga usaha diteruskan pada tahun 2017 ini.

### **(Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia)**

96. Saya juga ingin mengiktiraf **Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (MASKUM)** di atas usaha mereka memperkasakan kesukarelawanan di peringkat nasional dan antarabangsa, khususnya ASEAN.
97. Pada tahun 2016, seramai **117,823 sukarelawan** telah menyertai program MASKUM. **Tahniah!**

98. Menjelang tahun 2017 ini, saya berharap MASKUM dapat meningkatkan lagi keterlibatan mahasiswa termasuk mahasiswa IPTS dalam aktiviti kesukarelawanan dengan lebih mantap lagi.

**(Gap Year & Khidmat Negara)**

99. Sukacita diumumkan juga, mulai September 2017, Kementerian akan melaksanakan program GAP YEAR 2017 yang julung kali dibangunkan melibatkan 8 buah UA di Malaysia. Program ini memberi peluang kepada para mahasiswa untuk menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan di agensi awam. Tahniah dan selamat maju jaya!

**(Bottom 40)**

100. Kementerian juga akan memperluaskan akses pendidikan dan memperkukuhkan sistem sokongan kepada pelajar di dalam kumpulan B40. Dengan ini, saya berharap tidak akan ada pelajar yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pengajian di IPT.
101. Baru-baru ini saya terharu menonton video Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah memastikan sekumpulan pelajar B40 mendapat peluang melanjutkan pendidikan mereka.
102. Saya ingin berterima kasih kepada semua IPT kerana menunjukkan keprihatinan terhadap golongan pelajar ini.

**(Sukan)**

103. Bersama kita pada pagi ini adalah atlet-atlet universiti dan negara. Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian komited dalam menyokong aktiviti sukan di peringkat IPT dalam melahirkan '*The Thinking Athlete*'.
104. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka yang bakal bertanding di SEA Games (Sukan Asia Tenggara) dan World University Games Taipei 2017. **Selamat maju jaya, Malaysia boleh!**

**TRANSLATIONAL RESEARCH**

Hadirin & hadirat yang dihormati,

105. Selama sedekad yang lalu, IPT kita telah mengorak langkah yang amat memberangsangkan dalam penyelidikan.

106. Daripada RM 5.58 bilion yang telah dilaburkan oleh kerajaan untuk tujuan penyelidikan antara tahun 2007 - 2015, universiti kita telah **berjaya menjana** RM 7.17 bilion yang merupakan **Pulangan Pelaburan Penyelidikan** atau ***Return of Research Investment (RoRI)*** sebanyak **28.5%**.
107. Jumlah ini termasuk hasil daripada penyelidikan fundamental (buku, pakar runding, perkhidmatan) dan penyelidikan komersial (produk, harta intelek).
108. Hasil pelaburan kerajaan telah membawa kepada:
- a. (i) jumlah penerbitan yang tinggi sehingga membolehkan Malaysia mendahului Singapura dan Thailand;
  - b. (ii) bilangan harta intelek dan paten yang difailkan telah berganda, dan
  - c. (iii) sitasi penerbitan bertambah membolehkan penyelidik kita diiktiraf sebagai 1% terbaik dunia.
109. Secara langsung, kedudukan atau ***ranking*** universiti awam dan swasta di peringkat dunia turut meningkat ekoran pencapaian dalam penyelidikan.
110. Pada tahun 2017 ini, selaras dengan lonjakan 7 PPPM (PT) iaitu ekosistem inovasi, naratif sektor penyelidikan perlu berganjak daripada 'membudayakan penyelidikan' kepada 'penyelidikan yang boleh memberi manfaat terus kepada masyarakat'.
111. Persoalan yang berbangkit adalah: **Bagaimanakah penyelidikan di universiti dapat diterjemahkan sebagai solusi kepada isu-isu nasional dan antarabangsa demi manfaat industri, akademia, kerajaan dan paling penting sekali, masyarakat (selaras dengan konsep *quadruple-helix*)?**
112. **Oleh yang demikian, ingin saya mengumumkan bahawa tahun 2017 akan dinobatkan sebagai tahun "Penyelidikan Translational" (*Translational Research*).**
113. Sehubungan itu, Kementerian akan menyediakan ***Research Priority Roadmap 2017*** yang berfokus kepada:
- a. program ***Grand Challenge, UN Sustainable Development Goals (SDG)***, yang akan diterajui oleh universiti penyelidikan Malaysia;
  - b. penterjemahan penyelidikan agar **fokus, lebih berharga dan relevan;**

- c. mempromosi **bakat** di kalangan penyelidik yang terlibat dalam bidang SDG serta revolusi industri ke-4; dan
- d. memposisikan penyelidikan untuk **keunggulan global selaras dengan Lonjakan 8 PPPM (PT)**.

114. Sebagai contoh pentingnya ***Translational Research***:

- a. UPM - penyelidikan padi berjaya meningkatkan hasil tanaman dan kualiti padi.
- b. USM - penyelidikan dalam bidang teknologi membran digunakan untuk merawat air bersih semasa banjir.
- c. UKM - penyelidikan berkenaan Langkawi Geopark membantu usaha memelihara dan memulihara flora dan fauna.
- d. UNIMAS - penyelidikan pengesanan Virus Zika digunakan sempena sukan Olimpik di Brazil pada tahun 2016.

## **TVET**

### ***(Mengarusperdanakan TVET)***

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

115. Kementerian komited kepada pembangunan bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional atau Technical and Vocational Education and Training (TVET). Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan penyedia latihan TVET terbesar dan menyumbang 64% tenaga kerja TVET negara.
116. Tahun 2016 melihatkan politeknik dan kolej komuniti menyumbang pelbagai kejayaan yang telah mengharumkan nama negara seperti muncul juara dunia di FIRA Robo World Cup di Beijing, memenangi emas di ASEAN Skills Competition di Kuala Lumpur, dan muncul top 5 di Abilympics Skills Competition di Bordeaux.
117. Oleh itu, saya ingin mengucapkan **Tahniah** kepada Dato' Amir Md Noor Ketua Pengarah Kolej Komuniti dan Dato' Mohlis Jaafar, mantan Ketua Pengarah Politeknik serta pasukan mereka di atas usaha menyokong pembangunan TVET negara sepanjang tahun 2016.

118. Pada tahun 2017, Kementerian terus komited dalam usaha **mengarusperdanakan TVET, meningkatkan kualiti**, dan menjadikan TVET **pilihan utama di kalangan pelajar**.
119. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan (i) **merangka dasar TVET Kementerian** dan (ii) **melalui MQA akan menghasilkan sistem jaminan kualiti tunggal TVET**.
120. Kementerian juga akan **menerokai penubuhan institusi penyelidikan TVET kebangsaan** yang akan berfungsi sebagai pusat rujukan, pusat penyelidikan dan latihan, serta pusat hubungan industri bagi memenuhi keperluan industri dan pembangunan TVET negara.

### ***(Rumah Komuniti)***

121. Hadirin dan hadirat sekalian, saya masih ingat, Senah mengesat air mata setelah menerima kunci Rumah Komuniti. Rumahnya terbakar setahun lalu dan dia bersama keluarga sedang menginap di rumah sementara satu bilik yang dikongsi bersama 7 orang anak-anaknya. Zul, suami Senah, menghulur kepada saya sebungkus pulut kuning tanda kesyukuran daripada keluarga mereka.
122. Pengalaman Senah merupakan pengalaman-pengalaman yang dilalui ramai golongan kurang bernasib baik yang telah menerima Rumah Komuniti.
123. Dalam amanat saya tahun lalu, saya telah mengumumkan projek Rumah Komuniti sebagai salah satu usaha Kementerian mengupayakan rakyat.
124. Alhamdulillah, **sukacita saya berkongsi bahawa 93 buah rumah telah berjaya diserahkan** dan inshaAllah pada 29 Januari nanti, saya akan **menyerahkan kunci Rumah Komuniti yang ke-100**.
125. **Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada** Politeknik dan Kolej Komuniti, masyarakat setempat dan pengusaha-pengusaha tempatan. Terima kasih menjadikan Rumah Komuniti realiti.
126. Dalam Ucapan Bajet 2017, idea Rumah Komuniti telah diadaptasi melalui inisiatif NBOS, yakni *My Beautiful New Home*, khusus kepada golongan B40, dengan peruntukan RM200 juta. **Alhamdulillah.**

### **KOLABORASI**



## **(Keserakanan dan Kesepunaan)**

127. Pada tahun 2016, saya telah menyarankan agar IPT menjalinkan kerjasama di kalangan IPT menggunakan **konsep kesepunaan dan keserakanan (*commonalities and collegiality*)** yang berasaskan prinsip saling menghormati, kerjasama dan menolak cara kerja secara *silos*.
128. Antara manifestasi seruan ini termasuk:
- a. **'South Klang Valley University Network'** yang terdiri daripada UKM dan UPM, USIM, INTI University & Colleges, UniKL, UNITEN, MMU, CUCMS & IUKL; dan
  - b. Pewujudan jaringan teknikal Universiti GLC (UNITEN, MMU, UTP dan UniKL).

### **Tahniah diucapkan!**

129. Dalam memantapkan lagi usaha ini, **Garis Panduan Konsep Kesepunaan dan Keserakanan akan diterbitkan dan dilancarkan pada tahun 2017** dengan fokus kepada kerjasama antara IPTA dan IPTS dengan agensi kerajaan serta industri.

## **(Jukebox)**

130. Pada bulan November 2016, saya telah melancarkan program **Mobiliti Global Pendidikan Tinggi – Berkonsepkan *Juke Box*** antara UTM dengan University of Tsukuba, Jepun. Program ini akan dikendalikan melalui ***Malaysia-Japan International Institut of Technology (MJIT)***, di bawah UTM.
131. Konsep *Juke Box* ini adalah pendekatan pendidikan yang ***menjangkau kampus, menjangkau sempadan (beyond campus, beyond borders)*** di mana mahasiswa atau kakitangan sebuah universiti boleh mengambil program yang ditawarkan serta menggunakan fasiliti dan sumber di universiti pasangan (***partner universiti***) walaupun universiti tersebut berada di luar negara melalui konsep kampus dalam kampus (***campus in campus***).
132. Antara universiti pasangan termasuk University of Tsukuba, Jepun, dan ini memberi akses kepada pelajar UTM mengambil mata pelajaran daripada di Université de Bordeaux, Perancis, University of São Paulo, Brazil, National Taiwan University, Taiwan, dan University of California, Amerika Syarikat.

133. **Konsep Jukebox** adalah selari usaha **mereka bentuk pendidikan tinggi** melalui **penyampaian pendidikan yang fleksibel** dan berharap ia terus berkembang pada tahun ini.

## **PENGANTARABANGSAAN**

134. Pengantarabangsaan pendidikan tinggi merupakan agenda penting Kementerian.
135. Sehingga 30 September 2016, terdapat seramai 159,000 orang pelajar antarabangsa di Malaysia, termasuk lebih 129,000 di IPT. Kementerian menyasarkan seramai 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025.
136. Malaysia merupakan tuan rumah kepada cawangan universiti antarabangsa terkemuka. Ini termasuk lima universiti Britain (Nottingham, Reading, Newcastle, Southampton, dan Heriot-Watt - tertinggi di dunia di luar Britain), tiga universiti Australia (Curtin, Monash dan Swinburne) dan juga Asia School of Business (ASB) hasil kolaborasi MIT dan Bank Negara Malaysia.
137. ***Thank you for being part of our journey towards becoming an international education hub.***
138. Sehubungan dengan itu juga, **tahniah dan terima kasih** diucapkan kepada **Education Malaysia Global Services (EMGS)** dan **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**. Moga kerjasama mereka sejak tahun 2013 terus diperkukuhkan dan dipertingkatkan.
139. Malaysia merupakan destinasi pendidikan yang amat sesuai untuk pelajar antarabangsa terutamanya yang ingin mengambil peluang pada cuti musim panas untuk menimba ilmu, melancong, dan menimba pengalaman kehidupan yang baru.
140. **Maka pada tahun 2017, saya menyeru IPT untuk menumpukan usaha pengantarabangsaan kepada program berbentuk “Semester Musim Panas” (Summer Semester).**
141. **Saya juga menyeru MQA bekerjasama dengan IPT untuk memudahcara (facilitate) proses pemindahan kredit ke universiti asal bagi pelajar yang mengikuti program Summer Semester di Malaysia.**

## **INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA**

**(Pindaan Akta 555)**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

142. Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 54 Universiti, 32 Kolej-universiti, 10 kampus cawangan, dan 400 kolej swasta yang berjumlah 496 di seluruh negara.
143. Sesungguhnya, sektor pengajian tinggi swasta memainkan peranan yang penting dalam lanskap pendidikan tinggi negara. IPTS telah menerajui inovasi pendidikan seperti program ***twinning*** dan menyediakan pendidikan ***transnational***. Dahulunya IPTS mengimport pendidikan dari luar, kini IPTS sendiri mengeksport pendidikan Malaysia ke seluruh dunia.
144. Sehubungan itu, bagi memastikan sektor pendidikan tinggi swasta kekal kompetitif dan berdaya saing, **saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian akan membentangkan pindaan Akta 555 dalam sesi Parlimen bulan Mac ini.**
145. Pindaan Akta 555 kali ini adalah lebih menyeluruh dan akan memperkemaskan amalan pengawalseliaan, prosedur kelulusan permohonan, serta menyentuh aspek pemilikan dan tenaga kerja.
146. Saya ingin mengucapkan **terima kasih** kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam sesi konsultasi pindaan Akta ini di seluruh negara.
147. **Kementerian juga sedang dalam proses menambah baik *Business Process* di IPTS-IPTS dan memastikan kerja selaras dengan piagam pelanggan.**
148. **Dalam usaha jaminan kualiti dan standard, saya juga ingin mengumumkan bahawa pengukuran prestasi kebangsaan melalui SETARA 2017 dan MyQuest 2017 akan beraksi tidak lama lagi.**

## **MENJANA DANA**

149. Tahun 2017 melihatkan bajet bagi Kementerian berkurangan sebanyak 9.3% ekoran keadaan ekonomi yang mencabar.
150. Walau apa pun yang berlaku, saya menyeru warga Kementerian dan warga IPT terus komited, bersatu, dan gigih melaksanakan amanah dan terus mengupayakan rakyat melalui pendidikan tinggi.
151. Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan diri sendiri dan semua yang hadir bahawa:

- a. Pertama, pengurangan bajet adalah **selaras dengan perancangan** Kementerian sejak hampir 10 tahun yang lalu di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007 (PSPTN) dan Lonjakan 5 PPPM (PT) 2015-2025.
- b. Kedua, **kecekapan perbelanjaan boleh dipertingkatkan**. Menurut laporan 2016 Universitas 21 (U21), peruntukkan kerajaan kepada pendidikan tinggi merupakan antara yang tertinggi di dunia. Malaysia no.1 apabila diselaraskan kepada KDNK, dan no.13 keseluruhannya, namun, *output* IPT di tangga ke-43 keseluruhannya.
- c. Ketiga, **demi mencapai kemampanan kewangan pendidikan tinggi**, kadar kebergantungan UA yang mencecah 95% kepada dana awam perlu dikurangkan. Ini adalah terlalu tinggi berbanding negara-negara lain yang di lingkungan 50%.

### **(Penjanaan Dana)**

152. Jika sebelum ini kita banyak menyebut tentang perlunya menjana pendapatan, saya amat sukacita kerana realitinya adalah UA telah menampakkan kemampuan menjana pendapatan untuk menampung keperluan pengoperasian dan pembangunan.
153. Dengan sukacitanya ingin saya mengumumkan bahawa pada tahun 2016, **Universiti Awam (UA) telah berjaya menjana pendapatan di antara 12% dan 30% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.**
154. Sumber penjanaan pendapatan ini adalah terdiri daripada yuran pengajian, hasil sewaan, sumbangan *holdings*, hasil penyelidikan dan sumber dalaman lain.
155. Pada tahun 2017, saya berharap usaha penjanaan dana diteruskan dan dipertingkatkan dengan merujuk kepada ***“Purple Book: Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf”*** yang telah dilancarkan oleh Kementerian. Antara cara universiti boleh menjana pendapatan termasuk:
  - a. Pembukaan potensi aset;
  - b. Peningkatan aktiviti pengkomersialan penyelidikan dan penawaran perkhidmatan pakar runding;
  - c. Pengumpulan dana daripada alumni dan industri;
  - d. Pelaburan kewangan dan aset secara strategik; dan

e. Pewujudan dana waqf dan endowmen.

156. Kerajaan melihat wakaf sebagai salah satu sumber pendanaan alternatif yang penting.
157. Sehingga 31 Disember 2016, kutipan dana wakaf yang diperolehi dari 7 UA (UMS, UNIMAS, UMT, UUM, UNIMAP, UPNM dan UMP) adalah lebih **RM13.25 juta**.

## **PEMERKASAAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

158. Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) memainkan peranan yang sangat penting dan signifikan dalam membangunkan kepimpinan akademik dan memperkasakan pembangunan bakat bagi IPT seluruh negara.
159. 2016 melihatkan 236 ahli akademik melalui proses penilaian bakat dan kompetensi kepimpinan bagi tujuan penyediaan pelan penggantian kepimpinan universiti (*succession planning*) di AKEPT.
160. Sehubungan dengan itu, saya berharap pada tahun **2017 AKEPT dapat terus memantapkan dan mempergiatkan usahanya untuk membuat profiling pemimpin-pemimpin yang berpotensi di IPT.**
161. Pada masa yang sama, peranan kakitangan bukan akademik di UA tidak kurang penting dan pada tahun 2017, saya mengarahkan AKEPT meningkatkan program kepimpinan untuk golongan **pendaftar IPT dan bendahari.**
162. Institusi bendahari dan pendaftar perlu diurus dan ditadbir secara profesional. Bendahari perlu bertindak seperti ***Ketua Pegawai Kewangan (CFO)*** dan pendaftar perlu mengurus sumber manusia dengan baik.

## **(MQA)**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

163. 2016 sememangnya merupakan tahun yang cemerlang untuk MQA. Pada tahun 2017 ini, saya menyeru MQA untuk (i) **meningkatkan jaminan kualiti dan standard menerusi Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) 2.0**, dan (iii) **menerokai sistem jaminan kualiti berasaskan pencapaian.**

164. Sukacita juga saya memaklumkan bahawa **Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) di bawah Kementerian dibubarkan**; dan **fungsi JTPPK dilaksanakan sepenuhnya oleh MQA** kecuali bagi maksud pelantikan ke dalam Sektor Perkhidmatan Awam yang akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa.

### **(PTPTN)**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

165. Tidak boleh dinafikan peranan penting yang dimainkan **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)** dalam memberi peluang pendidikan kepada setiap warga Malaysia.
166. Pada tahun lalu, saya telah menetapkan sasaran bayaran balik PTPTN sebanyak RM 2 bilion. **Alhamdulillah, PTPTN telah berjaya mengutip sebanyak RM 3.4 bilion.**
167. Pada masa yang sama, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) PTPTN, yang menyasarkan penabungan RM400 juta telah **berjaya mendapat RM527.**
168. Di kesempatan ini juga saya menyeru peminjam PTPTN yang telah berjaya mendapat pekerjaan untuk membayar semua pinjaman mereka agar PTPTN boleh terus memberi pinjaman kepada generasi pelajar masa depan.
169. Saya juga menyeru ibu bapa untuk mula menabung dengan SSPN demi pendidikan masa depan anak-anak. **“Penabungan demi pendidikan, penjamin masa depan”.**

### **E. PENUTUP**

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

170. Saya amat teruja dengan masa depan pendidikan tinggi Malaysia.
171. Dengan inisiatif tahun lalu yang kini membuahkan hasil, dan dengan agenda ***Redesigning Higher Education*** yang sedang mara ke hadapan, saya percaya bahawa sistem pendidikan tinggi kita sedang ***Soaring Upwards.***
172. Saya percaya bahawa sistem pendidikan tinggi Malaysia akan menjadi antara yang terbaik di dunia.

173. Oleh itu, saya berharap seluruh warga pendidik dapat mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran supaya lebih imersif, mahasiswa dapat dibentuk secara seimbang dan holistik, penyelidik dapat menterjemahkan penyelidikan demi masyarakat, industri dapat menyumbang kepakaran, dan kesemua ini dipertingkatkan dengan asimilasi teknologi.
174. ***We are in this together.***
175. Dengan itu, marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah SWT agar segala perancangan dan pelaksanaan dapat direalisasikan. Pelaksanaan ini juga perlu dibuat dengan penuh integriti dan etika agar perkhidmatan kita akan mendapat keberkatan-Nya.

Selamat menjalankan tugas dan selamat maju jaya.

Sekian, wassalam, terima kasih, dan salam ***Soaring Upards.***